


SETESHEN

SATELIT

BUMI



SETEM2 POS KENANG2AN



Setem2 pos kenang2an berharga 15 sen dan 30 sen akan di-keluarkan untok memperingati pelancharan Seteshen Bumi Perhubungan Satelit di-Kuantan, Pahang.

Butir2 berkenaan dengan setem2 itu ada-lah saperti berikut:—

UKORAN:

Berbentok batu sendi (trapeziform) untok jenis 15 sen dan berbentok bujur sangkar untok jenis 30 sen dengan ukorannya dari lubang ka-lubang tiap2 100 setem sa-keping kertas besar:—

15 sen	Tegak (Sebelah kanan)	- 30 mm
	Tegak (Sebelah kiri)	- 15 mm
	Melintang	- 43 mm
30 sen (Jenis A & B)	Tegak	- 30 mm
	Melintang	- 43 mm

REKA BENTOK:

15 sen	Reka-bentok-nya bergambar kelihatan antena yang boleh berpusing berlatar belakangnya langit.
30 sen	Reka-bentok yang sama bagi kedua chontoh bergambar Satelit "Intelsat III" beredar di-angkasa di-atas bahagian bumi yang menunjukkan Malaysia.

Jenis A: Perkataan2 "Intelsat III", "Malaysia" dan jenis-nya berwarna puteh. Bintang2 di-belakang-nya berwarna perak.

Jenis B: Perkataan2 "Intelsat III", "Malaysia" dan jenis-nya berwarna emas. Bintang2 di-belakang-nya berwarna perak.

PROSES PENCHETAK:

Photogravure.

WARNA:

Setem2 beranika warna.

KERTAS:

Kertas yang tidak bertikas ayer.

DI-CHETAK OLEH:

Messrs. Joh Enschede en Zonen, Holland

TEMPOH JUALAN:

Sa-hingga setok-nya habis.

SETESHEN BUMI PERHUBONGAN SATELIT

Pelancaran Seteshen Bumi Perhubungan Satelit di Kuantan, Pahang, telah merintis jalan memasokkan negara Malaysia ka-dalam zaman Angkasa Lepas. Di-bena di-atas dataran tinggi seluas 60 ekar berhadapan dengan pantai yang indah di-Pantai Timor Malaysia Barat, Seteshen ini akan menghubungkan Malaysia melalui Bulan-Rekaan Intelsat III di-Lautan Hindi, terutama-nya dengan India, Indonesia, United Kingdom, Pakistan Barat dan Timor, Jepun dan Australia. Perhubungan ini akan membekalkan talipon seberang laut, taligerap, peredaran telex yang lebeh tinggi mutu-nya yang mana ada-lah sangat penting kapada kemajuan perdagangan dan ekonomi Malaysia. Seteshen Bumi ini juga di-lengkapkan untok menghantar ranchangan talivishen yang terus-menerus di-antara Malaysia dengan negeri2 tersebut. Belanja membena Perojek Seteshen Bumi ini, termasuk harga tanah dan bangunan2-nya sekali ia-lah M\$9 juta (US\$3 juta) dan pemborong yang utama untok antena dan alat2 elektronik itu ia-lah Mitsubishi Shoji Kaisha Berhad daripada Negeri Jepun.

Alat2 penting yang di-lengkapkan di-Seteshen ini ada-lah antena yang boleh berpusing dengan penoh pusingan berukoran lintang 97 kaki, alat penerima bunyi lemah lampau peka yang terawetdengin dengan helian dan pemanchar gelombang-mikro dengan kuasa yang kuat. Antena yang boleh bergerak itu berat-nya 300 ton, malah ia-nya terpaksa menghalakan ka-arrah satelit tersebut sejauh 22,300 batu di-angkasa dengan tepat-nya dan lebeh baik lagi dari satu minit jarak sa-lengkok. Antena yang besar itu mesti-lah memelihara pancharan yang tepat dalam anggaran jarak 1.2 millimeter supaya dapat menumpukan kuasa gelombang-mikro yang terpanchar kapada satelit itu sa-imbang dengan 1000 juta wat. Rekabentok dan pembenaan Seteshen tersebut sa-sungguh-nya menggambarkan satu teknologi moden pada keselurohan-nya.

Kuantan telah di-pilih sebagai Seteshen Bumi tersebut memandangkan bebas-nya kawasan ini daripada gangguan2 dari seteshen2 gelombang-mikro bumi yang

ada sekarang. Tambahan pula, Kuantan mempunyai kemudahan2 yang baik untok kakitangan2 dan ia-nya terhubung kapada Kuala Lumpur dengan sistem gelombang-mikro yang bermutu tinggi.

Perhubungan Satelit di-kelolakan di-seluruh dunia melalui Consortium Perhubungan Satelit Antarabangsa atau INTELSAT. "Consortium" ini sekarang di-anggotai oleh lebeh kurang 71 buah Negeri Ahli. Malaysia ialah Ahli yang ke-50 dengan mempunyai shir modal sebanyak 0.25%. Malaysia di-wakili dalam badan pentadbir Jawatan Kuasa Perhubungan Satelit Sementara melalui Perwakilan Bersama yang di-bentok daripada perkongsian di-antara Malaysia dengan negeri Thai, Singapura, India, Ceylon, Filipina dan New Zealand. "Consortium" tersebut bertanggung-jawab atas pembelian, pelancharan dan pemeliharaan satelit di-angkasa. Pengurusan dan kerja2 berkenaan dengan seteshen2 bumi, walau bagaimana pun, ada-lah tanggung-jawab negeri2 yang berkenaan.

Seteshen Satelit Bumi Malaysia ini bukan-lah projek yang siapsedia. Butir2 pembenaan dan membuat reka-bentok sistem kejuruteraan-nya telah di-sediakan oleh Jurutera2 Talikom Malaysia siapa juga telah menyeliakan pendirian, menguji dan persiapan projek ini. Malaysia patut-lah berbangga di-atas kejayaan ini.

